

CNS8397

R PB 07-08 00159 BB336

bah

Mahathir - Pemimpin

PENTING BAGI RAKYAT PILIH PEMIMPIN BERTANGGUNGJAWAB, KATA MAHA'I'HIR

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Kepimpinan merupakan faktor utama menentukan kejayaan sesebuah negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata tidak ada yang lebih buruk bagi sesuatu negara daripada mendapat pemimpin yang tidak berwibawa.

"Lihatlah nasib beberapa negara yang menjadi mundur walaupun memiliki sumber alam yang kaya dan rakyat yang cekap serta rajin hanya kerana pemimpin mengamalkan ideologi atau pendekatan yang salah," katanya ketika berucap merasmikan Perhimpunan Agung MIC ke-40 di sini.

Dr Mahathir menyebut mengenai nasib malang yang menimpa beberapa negara Afrika dan Amerika Latin disebabkan para pemimpinnya lebih mementingkan kuasa untuk diri sendiri daripada kehidupan rakyat.

Beliau memberi contoh China dan Albania, dua negara yang dilawatnya baru-baru ini, sebagai dua buah negara yang telah dan sedang berusaha mencapai kemajuan selepas berada di bawah kepimpinan baru. -- lagi

▼07/08/13-14MST

R PB 07-08 00152 BB340

bah

Mahathir - Pemimpin 2 Kuala Lumpur

"Tidaklah keterlaluan kalau saya menyatakan bahawa kita di sini sungguh bernasib baik," katanya dengan membuat andaian itu berdasarkan kepada lawatannya ke banyak negara dan melihat keadaan ekonomi dan hidup rakyat mereka.

Ramai pemimpin negara yang dilawatnya itu mengakui hakikat bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang paling berjaya dalam mengatasi masalah politik, ekonomi dan sosial, kata Dr Mahathir.

"Mereka merasakan kita bernasib baik kerana negara kita bukan sahaja aman dan stabil tetapi juga berjaya mencatat pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan sedangkan negara-negara lain termasuk negara-negara maju mengalami kemerosotan.

"Demokrasi juga diamal dan berjalan dengan baik di negara ini walaupun ada pihak yang mencemuh," katanya.

Oleh itu, Perdana Menteri berkata adalah amat penting rakyat memilih wakil dan pemimpin yang benar-benar bertanggungjawab, berkemampuan, jujur dan ikhlas serta mempunyai wawasan untuk menjaga nasib dan kebajikan rakyat.

-- lagi

▼07/08/13-36MST

CNS8412

R PB 07-08 00153 BU342

bah

Mahathir - Pemimpin 3 (Akhir) Kuala Lumpur

"Jika kita salah memilih atau kita asyik dengan menukar-nukar pemimpin tanpa sebab atau kerana cita-cita besar individu tertentu, yang akan rugi ialah negara dan rakyat," katanya.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Barisan Nasional, berkata parti-parti pembangkang tidak dapat menubuhkan barisan pembangkang yang berkesan kerana DAP dan PAS sentiasa mahukan layanan khas dan menganggap parti mereka lebih penting.

Sebaliknya, beliau berkata dalam BN, semua parti adalah sama dan mereka boleh bekerjasama dengan dasar hormat menghormati.

"MIC mungkin parti yang kecil berbanding dengan Umno tetapi bagi BN, MIC adalah sama penting," katanya pada majlis itu yang turut dihadiri para pemimpin parti-parti komponen lain BN.

Dr Mahathir gembira kerana MIC kini lebih bersatu padu, stabil dan kukuh. Ia juga semakin diterima oleh masyarakat India di negara ini jika dilihat daripada kegiatan-kegiatannya. -- Bernama

AZZ RON

▼07/08/13-48MST